KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## KHAMIS, 19 OKTOBER 2023

## LAPORAN HARIAN

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



19/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **MASYARAKAT MODEN PERLU CEGAH KEMEROSOTAN INSTITUSI PERKAHWINAN: NANCY** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/18/masyarakat-moden-perlu-cegah-kemerosotan-institusi-perkahwinan-nancy | UTUSANBORNEO.COM.MY |
| | https://suarasarawak.my/kadar-perkahwinan-dalam-kalangan-masyarakat-moden-semakin-merosot/ | SUARASARAWAK.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **BUDGET UNDERWHELMING FOR SENIORS** | |
| | https://www.thesundaily.my/opinion/budget-underwhelming-for-seniors-HF11639592 | THESUNDAILY.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **TASKA DAKWA PREMIS BERDAFTAR, BAPA BAYI MAUT DI PUSAT ASUHAN RASA TERTIPU** | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/18/taska-dakwa-premis-berdaftar-bapa-bayi-maut-di-pusat-asuhan-rasa-tertipu/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/10/18/nursery-told-us-they-were-registered-says-dead-infants-dad/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **BERAT DUGAAN MU JEFRIDIN DAN HALILAH** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1021258/berat-dugaan-mu-jefridin-dan-halilah | HMETRO.COM.MY |

19/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **NAIRA MAHDEEYA PERLU RM30,000 BEDAH SALURAN OTAK** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/naira-mahdeeya-perlu-rm30000-bedah-saluran-otak/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **SISTEM PADU PERKEMAS PEMBERIAN BANTUAN KERAJAAN** | |
| | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2023/10/1166578/sistem-padu-perkemas-pemberian-bantuan-kerajaan | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **SEL KANSER MEREBAK KE KEPALA – KHALID** | |
| | https://www.utusan.com.my/sukan/2023/10/sel-kanser-merebak-ke-kepala-khalid/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **WANITA MAUT, MOTOSIKAL DINAIKI BERSAMA TEMAN LELAKI DILANGGAR LARI** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/18/wanita-maut-motosikal-dinaiki-bersama-teman-lelaki-dilanggar-lari/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/pemandu-pikap-lari-selepas-langgar-mati-wanita/ | BULETINTV3.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1021476/wanita-maut-kereta-dipandu-putus-dua | BHARIAN.COM.MY |

19/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **POLIS SIASAT WANITA DITAMPAR BEKAS TEMAN LELAKI** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1166490/polis-siasat-wanita-ditampar-bekas-teman-lelaki | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/629949/berita/semasa/lelaki-tampar-bekas-teman-wanita | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-tampar-bekas-teman-wanita-442291 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/polis-cari-lelaki-didakwa-tampar-bekas-teman-wanita/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/18/tampar-bekas-teman-wanita-kerana-salah-faham/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/630122/berita/semasa/tampar-bekas-teman-wanita-uiam-serah-kepada-pihak-berkuasa | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **TUDUNG PASTEL BUAT WANITA MALAYSIA NAMPAK PENAT** | |
| | https://www.utusan.com.my/gaya/2023/10/tudung-pastel-buat-wanita-malaysia-nampak-penat/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=hhpl4i4-6uo | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **MCDONALD'S MALAYSIA SANTUNI KANAK-KANAK SEPANJANG OKTOBER** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/629957/berita/nasional/mcdonalds-malaysia-santuni-kanak-kanak-sepanjang-oktober | SINARHARIAN.COM.MY |

19/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **KERAP MINUM AIR DALAM TANDAS, TAHAN SAKIT DICUCUH API - MANGSA DERA** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1166601/kerap-minum-air-dalam-tandas-tahan-sakit-dicucuh-api-mangsa-dera | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/18/bapa-kandung-teman-wanita-disyaki-dera-budak-direman-7-hari/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/budak-lelaki-mangsa-dera-minum-air-tandas-dibiar-kelaparan-442355 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/629966/berita/semasa/polis-tahan-lelaki-teman-wanita-dera-budak-tujuh-tahun | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-tahan-bapa-teman-wanita-dera-budak-tujuh-tahun-442316 | ASTROAWANI.COM |
| | https://selangorkini.my/2023/10/bapa-teman-wanita-ditahan-dipercayai-dera-kanak-kanak-lelaki/ | SELANGORKINI.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1021347/kanak-kanak-lelaki-mangsa-dera-stabil | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/anak-mengadu-dicucuh-api-dipukul-ibu-mangsa-dera/ | BULETINTV3.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **BAKAT CILIK: ARTIS CILIK MALAYSIA ‘BURUH PAKSA’?** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/18/bakat-cilik-artis-cilik-malaysia-buruh-paksa/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **TANTRUM OKU TAK DIRAWAT BOLEH JADI KECELARUAN PERSONALITI** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/629939/edisi/kelantan/tantrum-oku-tak-dirawat-boleh-jadi-kecelaruan-personaliti | SINARHARIAN.COM.MY |

19/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **KANAK-KANAK TERCAMPAK KELUAR, DILANGGAR KETIKA KERETA BUAT PUSINGAN U** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-tercampak-keluar-dilanggar-ketika-kereta-buat-pusingan-u-442312 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1021315/kanak-kanak-tercampak-keluar-kereta-dilanggar-2-kenderaan-lain | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/629985/berita/semasa/polis-kesan-ibu-bapa-kanak-kanak-jatuh-dari-kereta | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=irtJa0LpANw | YOUTUBE |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/629983/berita/semasa/kanak-kanak-tercampak-keluar-dilanggar-ketika-kereta-buat-pusingan-u | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/18/tular-budak-jatuh-dirempuh-semasa-kereta-buat-pusingan-u/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kanak-kanak-tercampak-polis-kesan-pemilik-kenderaan-mangsa-DC11642346 | THESUNDAILY.MY |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/10/polis-kesan-budak-jatuh-semasa-kereta-buat-pusingan-u/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=YZXxNmuF2aU | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **COURT DECLARES SABAH-BORN AUTISTIC STATELESS TEEN BOY AS A MALAYSIAN, ORDERS GOVT TO ISSUE MYKAD** | |
| | https://www.theborneopost.com/2023/10/18/court-declares-sabah-born-autistic-stateless-teen-boy-as-a-malaysian-orders-govt-to-issue-mykad/ | THEBORNEOPOST.COM |

19/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **WARGA ASING PIKAT WARGA EMAS UNTUK MENETAP LAMA DI MALAYSIA** | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/10/warga-asing-pikat-warga-emas-untuk-menetap-lama-di-malaysia/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **TAKKAN SAMPAI NAK LETUPKAN JIRAN** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/629932/suara-sinar/analisis-sinar/takkan-sampai-nak-letupkan-jiran | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **SUSU MAHAL, IBU BAGI ANAK MINUM AIR SUAM DAN TEH KOSONG** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/18/susu-mahal-ibu-bagi-anak-minum-air-suam-dan-teh-kosong/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **'NO SAME SEX MARRIAGES REGISTERED IN MALAYSIA', SAYS MINISTER DURING PARLIAMENT QUESTION TIME [NSTTV]** | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2023/10/968465/no-same-sex-marriages-registered-malaysia-says-minister-during-parliament | NST.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **450 ATTEND FAMILY COUNSELLING SYMPOSIUM** | |
| | https://www.newsarawaktribune.com.my/450-attend-family-counselling-symposium/ | NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY |

19/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **BANTU MESETI DATAI BA RABAN DITUJU** | |
| | https://suarasarawak.my/bantu-meseti-datai-ba-raban-dituju/ | SUARASARAWAK.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 23 | **POLIS TAHAN WANITA, RAMPAS 94 BOTOL HEROIN, 1,000 PIL YABA** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/629992/berita/semasa/polis-tahan-wanita-rampas-94-botol-heroin-1000-pil-yaba | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1021377/wanita-disyaki-edar-dadah-heroin-dan-pil-yaba-bernilai-rm199000-dirampas | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-tahan-wanita-disyaki-pembekal-dadah-442360 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 24 | **WANITA KONGSI VIDEO HARI TERAKHIR OPERASI MYAIRLINE** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/630114/berita/semasa/wanita-kongsi-video-hari-terakhir-operasi-myairline | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 25 | **POLIS TUNGGU ARAHAN DPP BERHUBUNG KES WANITA PANDU LAWAN ARUS** | |
| | https://malaysiagazette.com/2023/10/18/polis-tunggu-arahan-dpp-berhubung-kes-wanita-pandu-lawan-arus/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

19/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 26 | **KURANG DIDIKAN KESELAMATAN PUNCA RAMAI KANAK-KANAK MAUT DI JALAN RAYA, KATA PAKAR** | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/18/kurang-didikan-keselamatan-punca-ramai-kanak-kanak-maut-di-jalan-raya-kata-pakar/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 27 | **EMART ADAKAN PESTA BAYI DAN KANAK-KANAK MULAI ESOK** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/18/emart-adakan-pesta-bayi-dan-kanak-kanak-mulai-esok | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 28 | **WARGA EMAS MAUT DILANGGAR SUV** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/18/warga-emas-maut-dilanggar-suv/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 29 | **WARGA EMAS TAK BAYAR PARKIR DIDENDA RM150** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/630076/berita/semasa/warga-emas-tak-bayar-parkir-didenda-rm150 | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 30 | **PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR MENYANTUNI WARGA EMAS MAHMUDAH** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=TmWGN2ZXn_g | YOUTUBE |

19/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 31 | **JURURAWAT LESAP RM125,000 TERPERDAYA 'LOVE SCAM'** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jururawat-lesap-rm125000-terperdaya-love-scam-442375 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1166685/jururawat-lesap-rm125000-terpedaya-love-scam | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/630051/berita/semasa/rm125000-pinjaman-bank-lesap-jururawat-terpedaya-love-scam | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/10/18/love-scam-9-hari-kena-ayat-janda-serah-rm125000-duit-pinjaman/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.melakahariini.my/rm125000-lesap-ditipu-nor-azman/ | MELAKAHARIINI.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 32 | **KOD SUKAN SELAMAT TERBUKA UNTUK PENAMBAHBAIKAN: KBS** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/18/kod-sukan-selamat-terbuka-untuk-penambahbaikan-kbs | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | GERAKWANIS MINTA DANA PEMBANGUNAN WANITA DITAMBAH BAIK | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 19 OKT 2023 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Gerakwanis minta dana pembangunan wanita ditambah baik

**Kuala Lumpur:** Populasi wanita di negara ini hampir 48 peratus, namun peruntukan untuk pembangunan membabitkan golongan itu masih kurang diberi tumpuan dalam pembentangan Belanjawan 2024 untuk bidang tertentu.

Pengerusi Persatuan Gerak Wanita Islam Malaysia (Gerakwanis), Bibi Sunita Sakandar Khan, berkata pihaknya tetap berterima kasih dengan peningkatan elaun bagi penjagaan anak daripada RM2,400 kepada RM3,000, tetapi dari segi mendidik wanita berkenaan literasi kewangan atau keseimbangan hidup tidak diberi tumpuan.

"Kerajaan ingin tenaga buruh wanita dipertingkatkan, tetapi persediaan ke arah itu tidak disentuh.

## Peniaga PMKS bersyukur

Malaysia bakal menjadi negara tua menjelang 2030, juga tiada dana khas ke arah persediaan pengurusan warga emas.

"Semoga selepas ini suara wanita dapat dibawa agar lebih memberi penambahbaikan pada masa depan, terutama dalam membela nasib wanita yang sering dianggap sebagai kelas kedua dalam banyak perkara," katanya.

Kakitangan swasta, Rozidah Ahmad Sobri, 45, berkata beliau agak lega apabila sebanyak RM720 juta dikhaskan untuk usahawan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) bagi menggalakkan wanita dan belia menceburi bidang perniagaan.

> Kerajaan ingin tenaga buruh wanita dipertingkatkan, tetapi persediaan ke arah itu tidak disentuh
>
> ***Bibi Sunita Sakandar Khan,*** *Pengerusi Persatuan Gerak Wanita Islam Malaysia (Gerakwanis)*



Peniaga, Suhaila Abdul Samad, 38, berkata sebagai peniaga kecil-kecilan bersyukur memberi peruntukan dan pembiayaan khas kepada PMKS sepertinya.

Malah, kerajaan turut menyediakan kemudahan pinjaman dan pembiayaan khas kepada golongan wanita.

"Ini satu berita ditunggu peniaga, terutama wanita sedang membina kerjaya dalam bidang keusahawanan dapat mengembangkan perniagaan, sekali gus berikan peluang pekerjaan kepada lebih ramai orang," katanya.

TAJUK : IBU BAPA PERLU CAKNA KUALITI PERKHIDMATAN DISEDIAKAN TASKA

HARI : KHAMIS
AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 19 OKT 2023
M/SURAT : 11

TONE : POSITIF
SEKTOR : KPWKM

# Ibu bapa perlu cakna kualiti perkhidmatan disediakan taska



Pensyarah Kanan di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris

**Oleh Dr Norlaile Salleh Hudin**
bhrencana@bh.com.my

**Tragedi** bayi dua bulan maut selepas ditinggalkan dalam keadaan tertiarap dan berbedung oleh pengasuhnya baru-baru ini menimbulkan pelbagai reaksi masyarakat terutama golongan ibu bapa bekerja.

Walaupun rata-rata masyarakat kecewa dan mengkritik pihak berkuasa susulan kelemahan sistem pemantauan taska tidak berdaftar, tidak dinafikan ibu bapa memainkan peranan sangat penting ketika memilih taska.

Hal ini kerana taska tidak berdaftar berkembang bagaikan cendawan tumbuh sedangkan bilangan pegawai pemeriksa Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memantau kegiatan taska pula amat terhad.

Butiran kes terbabit menunjukkan bayi malang itu dibiarkan tanpa pengawasan selama sejam sebelum pengasuhnya menyedari insiden berkenaan. Rakaman kamera litar tertutup (CCTV) pula memaparkan kegagalan pengasuh memberikan bantuan pernafasan bagi menyelamatkan nyawa mangsa.

Risiko kematian kanak-kanak di bawah jagaan pengasuh seperti ini secara rasional boleh dikurangkan sekiranya ibu bapa cakna.

Sebagai pengguna perkhidmatan, ibu bapa berhak mengetahui status terkini pendaftaran taska, sama ada dengan menyemak terus di laman sesawang JKM atau mendapatkan pengesahan daripada pihak taska.

Lebih baik sekiranya pengusaha taska diwajibkan untuk memaparkan status pendaftaran taska di premis. Jika masih terdapat keraguan terhadap status pendaftaran taska, ibu bapa wajar menyemak terlebih dahulu beberapa petunjuk kualiti perkhidmatan taska.

Menurut panduan permohonan pendaftaran taska, pengasuh mestilah warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas. Justeru, jika ibu bapa mendapati pengasuh bukan warganegara Malaysia, mereka sepatutnya tidak menghantar anak ke taska terbabit kerana dikhuatiri premis itu ingkar terhadap banyak lagi peraturan ditetapkan JKM.

> "Bilangan anak jagaan terlalu ramai sebenarnya boleh menyebabkan kanak-kanak terabai dan kurang pengawasan"

## Mesti hadir, lulus Kursus Asuhan Permata

Tambahan pula, ibu bapa boleh mendapatkan pengesahan, sama ada pengasuh bertanggungjawab mengendalikan anak masing-masing sudah hadir dan lulus Kursus Asuhan Permata (KAP).

KAP adalah satu latihan lengkap pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak merangkumi aspek keselamatan serta tindakan kecemasan sekiranya sesuatu insiden terjadi. Hal ini kerana tidak mustahil pengasuh tidak bertauliah diambil bekerja jika taska itu berdaftar dengan JKM.

Nisbah bilangan pengasuh terhadap anak jagaan juga adalah petunjuk penting kualiti perkhidmatan pengasuhan kanak-kanak. Namun, ramai ibu bapa tidak cakna nisbah ditetapkan JKM.

Bagi kanak-kanak baharu lahir hingga berusia satu tahun, seorang pengasuh hanya dibenarkan menjaga tiga kanak-kanak, manakala bagi kanak-kanak berusia lebih satu tahun hingga tiga tahun, hanya lima kanak-kanak boleh dijaga seorang pengasuh dalam satu masa.

Seorang pengasuh juga dibenarkan menjaga maksimum 10 kanak-kanak berusia tiga hingga empat tahun. Bilangan anak jagaan terlalu ramai sebenarnya boleh menyebabkan kanak-kanak terabai dan kurang pengawasan.

Malah, tidak salah sekiranya ibu bapa meneliti dan mendapatkan maklum balas lanjut daripada ibu bapa lain terhadap kualiti perkhidmatan ditawarkan taska supaya tidak mudah terpengaruh dengan pujukan pengusaha atau pengasuh.

Memandangkan banyak insiden kemalangan pernah terjadi sebelum ini, ibu bapa hari ini perlu lebih skeptikal dan tidak teragak-agak menyelidik tahap kualiti perkhidmatan taska.

Kejadian baru-baru ini seharusnya dijadikan pengajaran ibu bapa supaya sentiasa melakukan semakan teliti sebelum menggunakan perkhidmatan taska kerana tanggungjawab melindungi anak bermula dengan peranan ibu bapa sendiri.

Tindakan melaporkan kegiatan taska tidak berdaftar juga harus giat dijalankan khususnya apabila ciri-ciri taska tidak berkualiti dikenal pasti dengan jelas supaya kejadian malang sebegini dapat dibendung.

Sudah sampai masanya ibu bapa memainkan peranan lebih aktif dengan berganding bahu bersama JKM dalam membanteras kegiatan taska tidak berdaftar yang berulang-kali meragut nyawa kanak-kanak.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MANGSA DERA DAKWA SERING DICUCUH API, DIPUKUL | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 19 OKT 2023 | M/SURAT | : | 19 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Mangsa dera dakwa sering dicucuh api, dipukul

**Johor Bahru:** Kanak-kanak lelaki mangsa dera yang ditemukan berbogel dan dikurung dalam tandas ketika diselamatkan di sebuah flet di Pulai, dekat sini, mendakwa sering menahan sakit akibat dipukul, selain dicucuh api oleh teman wanita bapanya.

Ibu mangsa dikenali Ana, 34, berkata perkara itu dimaklumkan sendiri anaknya sewaktu bertemu buat pertama kali selepas kira-kira setahun terpisah, selepas kanak-kanak berusia tujuh tahun itu diselamatkan Jumaat lalu.

Berdasarkan perkongsian, katanya, anaknya itu mendakwa kerap meminum air dalam tandas ketika kelaparan (akibat dikurung) dan kadangkala hanya menjamah sisa makanan yang tertinggal.

"Dia juga beritahu terpaksa menahan sakit apabila sengaja dipukul serta dicucuh api oleh teman wanita (bekas) suami (bapa mangsa) dan tiada tempat untuk mengadu nasibnya.

"Saya tidak melihat perbuatan mereka, namun siapa saja pelakunya saya tidak akan memaafkan mereka dan berharap (mereka) dibawa ke muka pengadilan.

"Saya tidak dapat bayangkan nasib jika dia (mangsa) tidak diselamatkan polis, mungkin kami kehilangannya," katanya yang juga peniaga nasi lemak di Kuala Selangor.

Semalam media melaporkan seorang kanak-kanak lelaki menjadi mangsa dera ditemukan tidak bermaya, dibiarkan berbogel dan dikurung dalam tandas rumah keluarganya di Pulai, di sini, Jumaat lalu.

Ketua Polis Daerah Iskandar Puteri, Asisten Komisioner Rahmat Ariffin mengesahkan dua suspek ditahan untuk membantu siasatan.

Dalam pada itu, ibu mangsa mengakui sebak melihat fizikal anaknya itu yang berubah sehingga hampir tidak mengenalinya.

"Saya pernah buat laporan tujuh kali termasuk di Banting, Selangor kerana bekas suami tidak benarkan saya bertemu dengannya sejak lebih setahun lalu.

"Saya tidak menolak kemungkinan dia menjadi mangsa penderaan dalam tempoh setahun ini," katanya.

Ana memaklumkan, ketika bertemu anaknya itu menyatakan hasrat untuk pulang ke rumah bersamanya, namun memujuk supaya mendapatkan rawatan di Hospital Sultanah Aminah (HSA) sehingga keadaannya beransur baik.

Selain mangsa, Ana turut mempunyai dua anak hasil perkahwinan terdahulu yang berusia 13 dan 15 tahun, malah ibu tunggal itu juga menjaga ibunya berusia 54 tahun yang menghidap strok.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PENSYARAH SUKU JAKUN TEKAD PERBAIKI EKONOMI ORANG ASLI | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 19 OKT 2023 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

20 Wanita&Keluarga Khamis, 19 Oktober 2023 BH



*Masni temui penduduk Orang Asli di kampung bagi mendapatkan maklumat taraf hidup mereka.*



*Masni wanita Orang Asli pertama terima Geran Anugerah Merdeka.*

# Pensyarah suku Jakun tekad perbaiki ekonomi Orang Asli

## Masni ajak generasi muda bangkit tingkat martabat kaum

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Generasi muda, terutama masyarakat Orang Asli tidak perlu malu atau rasa terpinggir, sebaliknya bangkit lebih berani menonjolkan diri dalam membantu komuniti mereka.

Orang Asli adalah komuniti yang unik dan sama-sama berharga di negara ini, lantas jangan takut mempunyai impian bagi merealisasikannya demi meningkatkan status dan martabat minoriti itu.

Justeru, itulah impian pensyarah Universiti Pengurusan dan Teknologi Tunku Abdul Rahman (TAR UMT), Masni Mat Dong, 33, dari Kuantan, Pahang yang mahu membantu komuniti Orang Asli tidak terus ketinggalan dalam arus kemodenan.

Malah, beliau yang tampil dengan cadangan bertajuk 'Meningkatkan Semula Pembangunan Sosioekonomi Inklusif untuk Orang Asli di Malaysia', juga membolehkannya menjadi wanita Orang Asli pertama menerima Geran Anugerah Merdeka, baru-baru ini.

Beliau berasal daripada suku Jakun, berkata tujuan utama mendapatkan geran itu bagi mencari solusi dan perspektif berbeza bagi membantu Orang Asli, terutama dalam isu jurang kemiskinan di negara ini.

### Jalani kajian terperinci

Katanya, beliau juga sudah memilih antara tiga universiti iaitu Universiti Oxford dan Universiti Essex masing-masing di England dan Universiti Canterbury di New Zealand bagi menjalankan kajian terperinci selama tiga bulan di sana nanti.

"Saya memilih universiti itu kerana mereka menjalankan kajian terperinci dan lebih mendalam mengenai sesuatu komuniti yang mempunyai masalah sama.

"Saya harap apa yang akan dipelajari nanti dapat membantu dan digunakan di Malaysia dalam usaha menangani jurang kemiskinan dalam kalangan Orang Asli, selain berusaha tampil dengan polisi sewajarnya.

"Malah, saya yakin apa yang akan dipelajari itu bukan sahaja dapat membantu Orang Asli, tetapi komuniti lain yang mempunyai isu sama.

"Saya juga bersyukur kedua-dua keluarga, iaitu keluarga kandung dan keluarga angkat yang menjaga saya sejak berusia seminggu, sering memberi kata-kata semangat sehingga membolehkan saya berjaya," katanya yang juga gembira suami, Loh Voon Shin, 39, banyak memberi dorongan dan sokongan terhadap hasratnya.

Masni yang baharu selesai pengajian peringkat doktor falsafah (PhD) dalam bidang ekonomi, berkata sementara menunggu penempatan yang dijangka tahun hadapan, dia tidak akan berdiam diri.

Malah katanya, ketika ini dia sedang berusaha mendapatkan kerjasama seperti pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan kerajaan untuk menyokong cadangannya.

"Saya juga berharap selepas pulang dari pengajian jangka pendek nanti, dapat sedikit sebanyak memberi input kepada pihak berkenaan dalam usaha menangani jurang kemiskinan," katanya.

Ditanya cabaran apabila bergelar pensyarah Orang Asli yang sudah dua tahun lebih menceburi bidang itu, berkata beliau tiada masalah sepanjang menjadi tenaga pengajar malah mengajar adalah impiannya sejak kecil.

Katanya, apabila mengajar, dapat mendekati pelajar dan tahu keperluan mereka, sekali gus dapat membantu memenuhinya.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA BUNTU TAK DAPAT KELUAT PENCEN SUAMI KOMA | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 19 OKT 2023 | M/SURAT | : | 19 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Wanita buntu tak dapat keluar pencen suami koma

## Usaha perbaharui kad ATM bekas polis masih belum selesai sehingga kini

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin
bhnews@bh.com.my

**Sungai Besar:** Ibarat sudah jatuh, ditimpa tangga. Demikian nasib malang seorang suri rumah yang kini buntu memikirkan situasi terpaksa diharungi bersama anak yang masih kecil apabila tidak dapat mengeluarkan wang pencen suaminya yang terlantar koma sejak dua tahun lalu.

Nasib malang terpaksa diharungi keluarga kecil itu apabila Inspektor Muhamad Norizan Ramli, 41, yang juga bekas Ketua Polis Balai Sungai Besar, tergelincir ketika cuba menaikkan ikan di sebuah kolam pancing dekat Tanjong Karang.

Sejak terlantar koma, Muhamad Norizan yang bersara disebabkan masalah kesihatan sejak Julai lalu, memerlukan penjagaan sepenuh masa isterinya, Sharifah Haizul Akmal Syed Ahmad, 41.

Dalam keadaan suaminya koma, kesabaran keluarga itu diuji lagi apabila kad bank milik Muhamad Norizan yang selama ini digunakan bagi mengeluarkan wang gaji bagi menyara kehidupan harian, tamat tempoh Januari tahun ini.



*Sharifah Haizul Akmal yang juga suri rumah tangga memantau keadaan suaminya yang memerlukan penjagaan sepenuh masa sejak koma dua tahun lalu.*
(Foto Amirul Aiman Hamsuddin/BH)

Sharifah Haizul Akmal yang juga ibu kepada empat cahaya mata berusia empat hingga 14 tahun, kemudian berhubung dengan bank untuk membuat penukaran kad baharu namun tidak dibenarkan kerana keadaan suaminya yang tidak sedarkan diri.

Proses penukaran hanya boleh dibuat jika suri rumah itu mempunyai surat wakil kuasa yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi dan perlu mendapatkannya melalui peguam.

Suri rumah itu berkata, hasil bantuan rakan suaminya, beliau dapat melantik seorang peguam dan kes dibuka awal Jun lalu.

### Jual apa yang ada

"Namun perkara ini masih tertangguh dan belum selesai sehingga kini, padahal semua surat dan dokumen berkaitan bagi menyokongnya sudah dilengkapkan.

"Dalam masa sama, saya membuat cubaan sekali lagi menghubungi pihak bank dan merayu supaya diberi budi bicara tetapi gagal.

"Demi meneruskan kehidupan, saya terpaksa jual apa yang ada termasuk barang kemas yang disimpan untuk anak, selain berjimat cermat dalam perbelanjaan seharian.

"Kalau diikutkan macam mana nak hidup kalau tak dapat keluarkan wang pencen suami selama 10 bulan? Bunyinya seperti tidak logik tetapi itulah hakikatnya," katanya ketika ditemui di rumahnya dekat Taman Purnama 1 di sini, semalam.

Sharifah Haizul Akmal berkata, disebabkan wang tidak boleh dikeluarkan, dia hanya mampu melihat baki dalam akaun suaminya, termasuk pencen ilat.

Dia berkata, suaminya perlu dipantau setiap masa dan segala urusan seperti menghantar anak ke sekolah juga perlu dilakukannya.

"Tipulah kalau saya tak bersedih tetapi tidaklah sampai ditunjuk di hadapan anak-anak.

"Saya tidak menyalahkan mana-mana pihak, tetapi berharap ada budi bicara walaupun sedikit. Sebab kena ingat orang bersimpati waktu kita ditimpa kesusahan seketika sahaja.

"Walaupun suami terbaring di atas katil, naluri saya kuat mengatakan ada keajaiban daripada Allah SWT dan berharap orang ramai berdoa supaya suami sihat dan kuat seperti sedia kala," katanya.

Orang ramai yang ingin menyalurkan bantuan boleh berbuat demikian menerusi akaun Maybank 162197381623 atas nama Sharifah Haizul Akmal Syed Ahmad atau menghubunginya menerusi 017-355 7214.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'TERSERLAH KEGEMBIRAAN PADA WAJAH MEREKA' | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 19 OKT 2023 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my




McDONALD'S Malaysia mengunjungi Rumah Yayasan An-Nur Maisarah di Chemor bagi meneruskan komitmennya untuk memberi keceriaan kepada 12,000 kanak-kanak dari 400 rumah kebajikan sempena Program Bulan Komuniti.





PROGRAM Bulan Komuniti merupakan sebahagian daripada Program Komuniti McDonald's dan RMHC yang bertujuan untuk memberikan impak positif kepada komuniti daripada pelbagai lapisan masyarakat.

# 'TERSERLAH KEGEMBIRAAN PADA WAJAH MEREKA'

***McDonald's Malaysia santuni, ceriakan golongan kanak-kanak kurang bernasib baik sepanjang Oktober sempena Bulan Komuniti***

**Kuala Lumpur**

McDonald's Malaysia terus mengukuhkan komitmen kemasyarakatannya menerusi penganjuran Bulan Komuniti sepanjang Oktober ini.

Bulan Komuniti adalah salah satu inisiatif kemasyarakatan di bawah Program Komuniti McDonald's dan Persatuan Kebajikan Ronald McDonald (RMHC) bertujuan mewujudkan impak positif dalam kalangan masyarakat di sekitar lokasi operasi McDonald's.

Pengarah Urusan dan rakan Operasi Tempatan McDonald's Malaysia Datuk Azmir Jaafar berkata, Program Komuniti McDonald's dan RMHC adalah payung besar bagi aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan sepanjang tahun oleh McDonald's Malaysia, termasuklah pelaksanaan Bulan Komuniti ini.

Katanya, bulan Komuniti ini bakal memberi fokus utama terhadap golongan kanak-kanak yang kurang bernasib baik.

"Menerusi program ini, McDonald's Malaysia mengambil pendekatan mengadakan majlis sambutan hari jadi bagi menceriakan dan mencipta kenangan manis untuk anak-anak yatim.

"Majlis ini juga adalah cara kami menyumbang kembali kepada masyarakat yang sentiasa menyokong kami selama ini," katanya.

Dilaksanakan buat kali pertama pada 2017, Bulan Komuniti ini dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti menarik untuk kanak-kanak kurang bernasib baik seperti lawatan sambil belajar, gotong royong di rumah-rumah anak yatim dan lawatan ke restoran McDonald's untuk sambutan Hari Kanak-kanak.

Bagaimanapun, aktiviti-aktiviti ini terpaksa dihentikan sementara waktu disebabkan oleh pandemik Covid-19 yang melanda dunia.

Selepas pandemik beransur baik pada 2021, McDonald's Malaysia memilih pendekatan menganjurkan majlis sambutan hari jadi bagi memastikan pelaksanaan aktiviti yang lebih berfokus dan berimpak besar untuk anak-anak yatim.

Azmir berkata, sambutan hari jadi adalah peristiwa yang sangat bermakna bagi diri seseorang.

"Setiap kali sambutan hari jadi diadakan, kami dapat lihat senyuman kegembiraan anak-anak yatim yang terbabit.

"Momen itu, menjadi motivasi kepada kami untuk meneruskan inisiatif ini lebih-lebih lagi menganjurkan sambutan hari jadi yang meriah adalah kepakaran kami di McDonald's," katanya.

Sepanjang Oktober ini, McDonald's Malaysia akan menganjurkan majlis sambutan hari jadi membabitkan lebih 12,000 anak yatim dari 400 rumah kebajikan terpilih di seluruh negara dengan memperuntukkan sebanyak RM300,000.

Membuka tirai Bulan Komuniti 2023, McDonald's Malaysia mengadakan majlis sambutan hari jadi di Yayasan An-Nur Maisarah di Chemor, Perak, baru-baru ini.

Majlis sambutan hari jadi sebegini akan terus diadakan sehingga penghujung Oktober, sama ada di rumah kebajikan kanak-kanak atau di restoran McDonald's.

Acara ini turut dimeriahkan dengan sumbangan daripada RMHC Malaysia bagi menyokong pelaksanaan Bulan Komuniti dengan pemberian Pek Kembali Ke Sekolah kepada anak-anak yatim.

> "Majlis ini juga adalah cara kami menyumbang kembali kepada masyarakat yang sentiasa menyokong kami
> Azmir

Sebanyak 90 Pek Kembali Ke Sekolah disampaikan kepada anak-anak yatim di Yayasan An-Nur Maisarah.

Pengetua Yayasan An-Nur Maisarah Dr Fazillah Nordin berkata, pihaknya berasa gembira kerana McDonald's Malaysia memilih mereka untuk menjayakan Bulan Komuniti pada tahun ini.

Menurutnya yang lebih mesra dipanggil 'ibu' oleh anak-anak yatim di sini, program ini adalah kali pertama pihaknya menjalin kerjasama dengan McDonald's Malaysia dan menyambut majlis hari jadi secara besar-besaran.

"Kemeriahan sambutan hari jadi ini cukup terasa dengan adanya kek besar, dekorasi yang berwarna-warni dan aktiviti permainan yang sangat menarik.

"Sumbangan Pek Kembali Ke Sekolah pula menjadikan anak-anak ini lebih bersemangat untuk ke sekolah dengan kelengkapan persekolahan baru.

"Wajah gembira dan keterujaan anak-anak ini jelas kelihatan. Terima kasih McDonald's Malaysia di atas penganjuran acara ini," katanya.

Bulan Komuniti ini juga adalah salah satu inisiatif kemasyarakatan terpenting dan terbesar yang dilaksanakan oleh McDonald's Malaysia di bawah Program Komuniti McDonald's dan RMHC.

Sebagai kemuncak dan mengakhiri pelaksanaan Bulan Komuniti McDonald's 2023, buat pertama kalinya, McDonald's Malaysia akan menganjurkan Karnival Famili Mekdi.

Akan berlangsung di tiga lokasi iaitu di Perkarangan McDonald's Putrajaya pda 28 hingga 29 Oktober; Penang Auto City pada 4 hingga 5 November dan Mutiara Rini, Johor Bahru pada 10 hingga 11 November, karnival ini dianjurkan bagi mengajak rakyat Malaysia meluangkan masa bersama keluarga dengan mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti menarik yang disediakan.

McDonald's juga menjemput anak-anak yatim dari rumah-rumah kebajikan terpilih untuk turut serta memeriahkan karnival dan bergembira bersama rakyat Malaysia yang datang.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | HIDUP SETIAP HARI BERGANTUNG 'INHALER' | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 19 OKT 2023 | M/SURAT | : | 23 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Hidup setiap hari bergantung 'inhaler'

**Seremban:** Setiap hari Halilah Md Daud, 41, terpaksa bergantung kepada ubat *inhaler* dan mesin nebulizer (sedut gas) akibat mengalami asma yang teruk selain didiagnos menghidap *Obstructive Sleep Apnea* (OSA) iaitu gangguan pernafasan ketika tidur.

Apa membimbangkan, suaminya, Jefridin Jayakumaran Abdullah, 67, yang menjadi tulang belakang keluarga turut menghidap masalah jantung dan sudah beberapa kali pengsan dan terjatuh ketika melakukan aktiviti harian.

Kesannya, pasangan ini kini berada dalam kesempitan, malah anak tunggal mereka Muhammad Ariff Jefridin yang berusia lima tahun terpaksa berhenti belajar di sebuah tadika kerana tak mampu membayar yuran bulanan.

Halilah berkata, keadaan kesihatan mereka menyebabkan dia dan suami yang juga seorang mualaf tidak dapat mencari rezeki.

"Usahkan keluar bekerja, waktu tidur pun saya diserang asma dan terpaksa tidur dalam keadaan bersandar. Saya tidak dapat melelapkan mata kerana masalah pernafasan berhenti secara tiba-tiba.

"Terbaru, saya dimasukkan ke wad di Hospital Rembau pada 22 September lalu disebabkan masalah pernafasannya yang tidak normal dan didiagnos menghidap OSA atau ganguan pernafasan ketika tidur," katanya ketika ditemui di kediamannya.



HALILAH terpaksa menggunakan mesin nebulizer untuk membantu masalah asma yang dihadapinya. - Gambar NSTP/ AHMAD HASBI

Halilah yang menyewa di Taman Widuri Indah, Senawang di sini, berkata, doktor sudah menjalankan ujian tidur atau *Sleep Study* kali pertama untuk menentukan punca penyakit dan jenis rawatan yang bersesuaian.

"Buat masa ini saya bergantung ubat *inhaler* dan mesin nebulizer untuk masalah pernafasan, tetapi masih semput dan perlu meneruskan rawatan.

"Suami pula menghidap penyakit jantung kronik dan selalu pengsan menyebabkan kami hilang punca pendapatan untuk menyara keluarga.

"Saya menghidap penyakit asma sejak 2004, doktor memaklumkan ia berkemungkinan berpunca daripada serbuk yang digunakan ketika bekerja di sebuah kilang sarung tangan di Kuala Pilah ketika itu.

"Asma dihidapi mulai teruk ketika mengandung pada 2018 dan kemuncaknya ketika perintah kawalan pergerakan (PKP) lalu," katanya.

Halilah berkata, disebabkan masalah kesihatan pasangan suami isteri itu sukar mendapatkan kerja dan kini hanya bergantung kepada wang bantuan asnaf dari baitulmal sebanyak RM450 dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM200.

"Duit bantuan itu diguna membayar sewa rumah RM500 sebulan, bil api air, jika diikutkan tidak cukup kerana kos rawatan kesihatan kami berdua termasuk pengangkutan ke hospital mencecah RM1,500 sebulan," katanya.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | POLIS BURU LELAKI TAMPAR BEKAS TEMAN WANITA | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 19 OKT 2023 | M/SURAT : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |



RAKAMAN video yang tular di media sosial memaparkan tindakan seorang lelaki menampar seorang gadis.

# Polis buru lelaki tampar bekas teman wanita

**Gombak:** Jangan sesuka hati menampar teman wanita berikutan ia tetap dianggap jenayah dan boleh diambil tindakan undang-undang.

Terbaru seorang lelaki diburu polis selepas disyaki menampar seorang gadis dalam sebuah kereta di daerah ini.

Pemangku Ketua Polis Daerah Gombak Superintendan Noor Ariffin Mohamad Nasir berkata, pihaknya mengesan rakaman video berdurasi 22 saat mengenai kejadian itu yang tular di media sosial.

Menurutnya, siasatan awal dijalankan mendapati kejadian itu berlaku kira-kira jam 6 petang Isnin lalu.

Katanya, hasil siasatan mendapati mangsa berusia 21 tahun mendakwa ditampar bekas teman lelakinya berusia 22 tahun.

"Siasatan juga mendapati kejadian itu berpunca daripada perselisihan faham antara mereka berdua.

"Berikutan itu polis menjalankan siasatan mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan. Orang ramai yang mengenali suspek atau mempunyai maklumat mengenai kejadian itu boleh berhubung dengan pegawai penyiasat kes Inspektor Nor Adiba Mohamad Nordin di talian 012-8819215.

"Maklumat juga boleh disalurkan dengan menghubungi Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak di talian 03-61262222," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | POLIS MINTA SAKSI, PEMANDU KERETA, PERAKAM VIDEO TAMPIL | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 19 OKT 2023 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

BUDAK TERCAMPAK KELUAR DARI KERETA

# Polis minta saksi, pemandu kereta, perakam video tampil

**Kota Bharu:** Seorang kanak-kanak lelaki bernasib baik apabila terselamat selepas tercampak keluar dari kenderaan dipercayai dipandu ahli keluarganya sebelum dilanggar dua kenderaan lain di Jalan Sultan Yahya Petra di sini.

Kejadian itu tular menerusi rakaman video berdurasi satu minit satu saat di media sosial sejak kelmarin.

Rakaman berkenaan menunjukkan seorang kanak-kanak lelaki yang tercampak dari kereta sebelum dilanggar dua kereta.

Kanak-kanak itu cuba bangun untuk berlari sebelum diselamatkan penunggang motosikal yang membawanya ke tepi jalan.

Timbalan Ketua Polis Daerah Kota Bharu Superintendan Mohd Suhaimi Ali berkata, polis menyedari kejadian itu selepas mengesan rakaman video terbabit tular di Facebook jam 11 malam kelmarin.

Menurutnya, rakaman video itu memaparkan kemalangan membabitkan seorang kanak-kanak lelaki yang dianggarkan berusia lingkungan tiga tahun tercampak keluar dari kereta dinaiki ketika membuat pusingan U di persimpangan lampu isyarat berdekatan sebuah pasar raya.

"Kemalangan berlaku dipercayai akibat kegagalan pemandu kereta dinaiki kanak-kanak itu untuk memastikan pintu penumpang kiri ditutup rapat serta tidak memastikan kanak-kanak itu memakai tali pinggang keledar.

**Mangsa berusia lingkungan tiga tahun terselamat walaupun dilanggar dua kenderaan lain**

"Usaha mengesan kenderaan terbabit serta kanak-kanak itu dijalankan. Setakat ini tiada laporan dibuat mengenainya," katanya.

Mohd Suhaimi berkata, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 43 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Beliau menyeru orang ramai yang melihat kejadian, pemandu terbabit dan perakam video tampil membantu siasatan di Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Bharu atau berhubung dengan Pegawai Penyiasat Trafik Inspektor Khairul Anuar Abdul Aziz di talian 09-7752355.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SENGAJA DICUCUH API | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 19 OKT 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

**BUDAK KEBULURAN DIKURUNG DI TANDAS**

# Sengaja dicucuh api

Oleh Mary Victoria Dass
am@hmetro.com.my

**Johor Bahru**

"Selama beberapa bulan anak saya tanggung kesakitan, tekanan dan penderitaan akibat dibiarkan kebuluran dan dikurung di tandas, pelaku seharusnya dijatuhi hukuman setimpal," kata M Ana.

Ana, 34, yang juga ibu kepada kanak-kanak lelaki mangsa penderaan berkata, dia berpeluang untuk bertemu dengan anaknya Sabtu lalu selepas dimaklum pelindung kanak-kanak dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Menurutnya, dia terkilan melihat keadaan anaknya itu dan hampir tidak mengenalinya kerana keadaan fizikalnya itu tidak sama seperti sebelum ini.

Katanya, ketika mereka tinggal bersama dua tahun lalu, berat badan anaknya itu mencecah lebih 60 kilogram dan seorang yang ceria dan peramah.

"Saya pernah membuat laporan sebanyak tujuh kali termasuk di Banting, Selangor kerana suami tidak membenarkan untuk bertemu dengannya sejak lebih setahun lalu.

"Saya tidak menolak kemungkinan dia menjadi mangsa penderaan dalam tempoh setahun ini," katanya ketika dihubungi.

Ana berkata, berdasarkan perkongsian, dia kerap meminum air tandas ketika kelaparan dan kadang-kala dia hanya menjamah sisa makanan yang tertinggal.





LAPORAN Harian Metro, semalam.

Menurutnya, anaknya juga menyatakan dia terpaksa menahan kesakitan apabila sengaja dipukul serta dicucuh api oleh teman wanita suami dan tiada tempat untuk mengadu nasibnya.

"Saya tidak melihat perbuatan mereka namun siapa saja pelaku, saya tidak akan memaafkan mereka dan berharap dibawa ke muka pengadilan.

"Tak dapat bayangkan nasibnya sekiranya dia tidak diselamatkan polis, mungkin kami akan kehilangannya," katanya yang juga peniaga nasi lemak di Kuala Selangor.

> "Anak kerap meminum air tandas ketika kelaparan
> Ana

Menurutnya, bagaimanapun dia memujuk anaknya untuk mendapatkan rawatan di Hospital Sultanah Aminah (HSA) sehingga keadaannya beransur baik.

"Saya bersyukur kerana dia terselamat, terima kasih kepada polis, komuniti setempat mahupun sukarelawan.

"Saya juga menghargai perhatian diberikan Pertubuhan Pergerakan Wanita Johor (Jewel) dan Skuad Waja terhadap anak saya ketika dia diselamatkan hingga kini.

"Saya tidak sabar untuk dibenarkan membawa dia selepas proses siasatan, saya akan mendaftarkannya di sekolah dan akan memastikan kesihatannya lebih baik," katanya.

Malah buat masa ini, Ana memberi jagaan kepada ibunya berusia 54 tahun yang juga pesakit strok.

Kelmarin Harian Metro melaporkan seorang kanak-kanak lelaki berusia lapan tahun yang menjadi mangsa dera ditemukan tidak bermaya, dibiarkan berbogel dan dikurung dalam tandas rumah keluarganya di Pulai di sini, Jumaat lalu.

Ia disedari jiran yang kebetulan ke rumah keluarga mangsa untuk menumpang meletakkan barangan basah di dalam peti ais, Khamis lalu.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MCDONALD'S MALAYSIA CELEBRATES 12,000 ORPHANS THIS MONTH | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 19 OKT 2023 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



*McDonald's Malaysia managing director and local operating partner Datuk Azmir Jaafar (centre) and director of corporate communication Shamsidar Yahya (right), presented Back to School Packs to 80 children from Yayasan An-Nur Maisarah.*





*The Community Month programme is part of the 'Program Komuniti McDonald's dan RMHC', aimed at making a positive impact on various segments of the community.*

# McDonald's Malaysia celebrates 12,000 orphans this month

**KUALA LUMPUR**

McDONALD'S Malaysia continues to strengthen its commitment to local communities by organising its Community Month in October.

Community Month is one of the initiatives under the McDonald's and Ronald McDonald House Charities (RMHC) Community Programme, which aims to create a positive impact in the community around McDonald's operating locations.

"Program Komuniti McDonald's & RMHC" encompasses all community activities carried out throughout the year by McDonald's Malaysia, including the implementation of this Community Month.

"Community Month will focus mainly on underprivileged children. McDonald's Malaysia takes an approach through birthday celebrations to cheer up and create sweet memories for orphans.

"This is how we contribute back to the community, which has always supported us all this time," said McDonald's Malaysia managing director and local operations partner Datuk Azmir Jaafar.

Community Month was first implemented in 2017 and it is filled with various activities for underprivileged children.

Post pandemic, in 2021, McDonald's Malaysia chose the approach of organising birthday celebrations to ensure the implementation of more focused and high-impact activities for orphans.

"Celebrating a birthday is a very meaningful event for a person. Every time a birthday celebration is held, we can see the happy smiles of the orphans involved. This is what motivates us to continue this initiative. Furthermore, organising a lively birthday celebration is our specialty at McDonald's," said Azmir.

Throughout October, McDonald's Malaysia will organise birthday celebrations involving more than 12,000 orphans from 400 welfare homes selected throughout the country.

McDonald's Malaysia has allocated RM300,000 for this purpose.



*Throughout October, McDonald's Malaysia will organise birthday celebrations involving more than 12,000 orphans from 400 welfare homes selected throughout the country.*

Last Wednesday, McDonald's Malaysia organised a birthday celebration at Yayasan An-Nur Maisarah in Chemor, Perak, as the curtain-raiser for the month of activities.

The celebrations will continue until the end of the month, either at a children's welfare home or at a McDonald's restaurant.

RMHC Malaysia also supports the implementation of this year's Community Month by giving back-to-school packs to orphans. A total of 90 Back to School Packs were presented to orphans at the An-Nur Maisarah Foundation, on Wednesday.

"I am very happy that McDonald's Malaysia chose Yayasan An-Nur Maisarah to make their Community Month a success this year. This is the first time we have partnered with McDonald's Malaysia and celebrated a large-scale birthday party like this.

"The children really enjoyed the festivities with several large cakes, colorful decorations and coupled with very interesting game activities. The Back to School Pack donation will certainly make them more enthusiastic to go to school with new school equipment. The happy and excited faces of these children are clearly visible and I am thankful to McDonald's Malaysia," said An-Nur Maisarah Foundation director and chairman of the board of trustees Dr Fazillah Nordin.

Community Month is one of the most important and largest community initiatives implemented by McDonald's Malaysia.

As the highlight and end to this year's McDonald's Community Month, for the first time, McDonald's Malaysia will also organise the Mekdi Family Carnival which is an open event for the public.

Selected children's welfare homes have been invited to enliven this carnival in several locations, namely McDonald's Putrajaya from Oct 28-29; Penang Auto City from Nov 4-5 and Mutiara Rini, Johor Baru from Nov 10-11.

For more information follow McDonald's Malaysia at www.mcdonalds.com.my/community or on its social media platforms.

For more information follow McDonald's Malaysia on its social media platforms at https://www.instagram.com/mcdonaldsmalaysia/ and https://www.facebook.com/My.McDonalds/



*McDonald's Malaysia visited Yayasan An-Nur Maisarah to continue its commitment to spread cheer to 12,000 children from 400 welfare homes as part of the Community Month Programme.*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | EMART LAUNCHES BABY & CHILDREN FAIT AT PARTICIPATING OUTLETS IN S'WAK, SABAH | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 19 OKT 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Emart launches Baby & Children Fair at participating outlets in S'wak, Sabah

**KUCHING:** Emart's Baby & Children's Fair kicks off today (Oct 19) at participating outlets in Kuching, Miri and Bintulu, as well as in Sabah.

The fair, running until Oct 31, features more than 30 brands offering products such as baby formula, diapers, clothes, and toys.

Throughout the fair, Emart members can enjoy special discounts and prizes, including RM5 cash vouchers with the purchase of selected products worth RM200 and above.

The vouchers can be used to purchase any baby products during the fair.

There is also a 'My Cuties Photo Contest' run in connection with the fair for babies/children aged 0-36 months.

The participating outlets for this contest are Emart Riam, Emart Tudan, Emart Matang, Emart Batu Kawa, Emart Tabuan Jaya, Emart Summer Mall, Emart Moyan, Emart Sejingkat, Emart King Centre, and Emart Lintas Jaya.

Three photos adjudged as 'most creative' will each be awarded a RM100 voucher, while the 'People's Choice Award' photo will receive a voucher for RM50.

To take part, participants only need to spend RM30 and above in a single receipt on selected products at the fair; snap a photo of their child with the products bought; and submit the photo along with proof of purchase to Emart Malaysia via Facebook Messenger.

The photos will be put up on Emart Malaysia's Facebook page, where the one with the most 'love' icon will win the People's Choice Award.

Meanwhile, a purchase of RM30 and above in a single receipt on selected products during the fair entitles customers to take part in the 'Count & Win' contest.

The participating outlets for this contest are Emart King Centre, Emart Moyan, Emart Sejingkat, Emart Summer Mall, Emart Tabuan Jaya, Emart Batu Kawa, Emart Matang, Emart Lintas Jaya, Emart Batu Niah, Emart Bintulu, Emart Riam and Emart Tudan.

For this contest, customers only need to count the number of babies featured in a poster and write their answer on the contest form for a chance to win cash vouchers worth RM400 in total.

To enliven the fair, Emart has invited clowns to give away balloons to children at the participating outlets every weekend from Oct 21 to 29.




Emart is running the Count & Win and My Cuties Photo Contest at participating outlets in conjunction with its Baby & Children's Fair.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAN PLEADS NOT GUILTY TO SEXUALLY ASSAULTING, RAPING MINOR | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 19 OKT 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Man pleads not guilty to sexually assaulting, raping minor

**KUCHING:** A man claimed trial in the Sessions Court here yesterday to sexually assaulting and raping his girlfriend's 11-year-old daughter.

The accused, in his 40s, pleaded not guilty before judge Musli Abdul Hamid after the charges were read to him.

On the first charge under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2007, punishable under Section 14 of the same Act, he allegedly committed physical sexual assault against the victim at a house in Batu Kawa here between 2020 and 2023.

On the second charge under Section 376 of the Penal Code, he is accused of raping the victim at the same house between 2020 and 2023.

Both charges provide for imprisonment of up to 20 years and caning, upon conviction.

The court allowed the accused to be released on bail of RM20,000 with two local sureties, and fixed Nov 22 for case management.

He was also ordered to report to the nearest police station every month, surrender his passport, and to not have any contact with the prosecution's witnesses.

DPP Mohammad Fauzan Zamri appeared for the prosecution, while the man was unrepresented by legal counsel.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MOTORCYCLIST'S FIANCEE KILLED HIT-AND-RUN BY PICKUP TRUCK | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 19 OKT 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



A police photo shows the damaged motorcycle at the scene of the fatal hit-and-run.

# Motorcyclist's fiancée killed in hit-and-run by pickup truck

Jeremy Veno

**KUCHING:** A female pillion rider died after the motorcycle she was travelling on with her fiancé was rear-ended by a pickup truck at Jalan Batu Kawa early yesterday.

When contacted, Padawan police chief Supt Abang Zainal Abidin Abang Ahmad said the pickup truck fled the scene right after the crash.

"The victims were travelling on the left lane from MJC towards Kampung Sejijak, Matang when a pickup truck rear-ended them right after the Batu Kawa bridge," he said.

Abang Zainal Abidin identified the deceased as Nur Ashikin Benny, 23, from Kampung Hijrah, Simunjan.

Her fiancé, aged 22, suffered light injuries to his face and arms.

Nur Ashikin was pronounced dead at the scene by paramedics from Sarawak General Hospital.

Her body was later transported by police to the hospital's forensics department for further action.

At the scene, police gathered witnesses and checked any available CCTV footage that might have caught the crash.

The case is being investigated under Section 41(1) of the Road Transport Act 1987.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | NANCY: STEPS TAKEN TO STRENGTHEN MARRIAGE, FAMILY INSTITUTION | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 19 OKT 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



Ahmad Shukor presses the button to officiate the opening ceremony, as others looks on.

# Nancy: Steps taken to strengthen marriage, family institution

**MIRI:** The federal government is taking steps to prevent the Western malaise of de-institutionalising marriage by strengthening mental health and family institution, said Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri.

She said continuous programmes and interventions to provide awareness, knowledge and skills to all levels of society have been promoted to curb this trend from harming the quality of Malaysian lives and families.

"This is to provide us with all the appropriate coping skills to face and deal with all the challenges ahead," she said in her speech at the opening of the two-day national-level Family Counselling Symposium themed '21st Family Well-being' here yesterday.

In her speech read by National Population and Family Development Board director-general Datuk Ahmad Shukor Abdullah, Nancy said the old Malaysian model of strong family institution is out of date in modern times.

She said life patterns and daily routines were very predictable in the past but that has changed over the years, with marriage and family's mental health coming under greater pressure now.

The West, facing deinstitutionalisation of marriage, has seen decline of marriages due to increasing acceptance of various forms and alternatives to marriage, changing social norms that influenced family formation previously.

This has resulted in increase in the divorce rate, illegitimate births, cohabitation before marriage, and also to some extent from the effect of women going out to work.

"In the West this effect is already visible, and we try as much as possible to curb this phenomenon from happening in Sarawak especially," she said.

Nancy stressed that for Malaysia to be developed and prosperous, the people must have optimal mental health, a healthy and quality family system, which still has strong relationships between its members and is able to be a protector and supporter for the needs of its members.

Meanwhile, she commended counselling practitioners from all the agencies involved who have been working tirelessly to help the community through the challenges and pressures they go through in their daily lives.

Their role has become increasingly important and primary as counsellors become a reference for the community.

Malaysia needs more counsellors who are dedicated, empathetic, have a deep passion and interest in helping, trusted and have deep knowledge in the humanities, basic and up-to-date approaches and theories in line with current conditions, she said.

Earlier on, Sarawak Islamic Affairs Department deputy director Ahmad Sukarno Saini in his speech said the symposium, held in conjunction with Sarawak's 60th independence anniversary, is timely in enabling Muslim families to cope with the pressures of urbanisation and modernisation.

He said the socio-economic development of Malaysia has had many impacts on society, including mental health issues beginning to take hold and having a profound effect on the psychology of individuals and people around them.

Nine working papers and discussions will be presented during the two-day symposium, which is being attended by 450 participants from Malaysia and Brunei.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAN'S ENCOUNTER WITH A DISEASE PECULIAR TO WOMAN | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 19 OKT 2023 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Man's encounter with a disease peculiar to woman

PINK October (breast cancer awareness month) this year has a whole new meaning for me, a 70-year-old man who had to undergo a mastectomy to remove a lump in the breast recently.

I discovered the lump about four months ago while I was having a shower. I am fully aware of the various campaigns educating women to go for medical examinations periodically to check for breast cancer. But as far as I know, men are not being advised to look out for lumps in their breasts.

Having read about breast cancer in men before, I immediately Googled for more information on the signs and symptoms of the disease.

I was horrified to find that the lump in my breast was located in the place stated on a medical website.

I went to see a doctor at a hospital who then referred me to the Breast Cancer Research Centre (BCRC) at University Malaya Medical Centre (UMMC). I had a mammogram and ultrasound, and a biopsy was conducted. I must say the mammogram was very uncomfortable considering the size of male breasts!

Two weeks after the biopsy, I met the consultant breast surgeon to review the pathologist's findings. There was no confirmation of cancer but malignancy could not be ruled out, so surgery was scheduled for early October to remove the lump and the surrounding tissue.

The weeks before the surgery were nerve-racking as I also have heart disease, hypertension, diabetes and chronic kidney disease. Despite assurances from the specialists that it would be a moderately risky surgery, I was full of fear and trepidation.

Who should I talk to ease my anxiety? I was not going to tell any of my friends, and I certainly would not like some idiot asking me what hormones I have been taking. I was also embarrassed that I had a medical problem peculiar to women!

Prayers, positive thinking, logic and common sense helped to reduce my anxiety.

As I was being prepared for surgery on a Friday morning, a member of the surgical team told me the surgeons had decided to remove a lot more of the breast tissue, but the nipple would be left intact. If tests showed there was cancer, another operation would have to be done to remove the whole breast and the nipple as well.

If I could, I would have jumped off the trolley and fled the operating theatre as fast as my old legs could go when I heard that.

But I decided that the surgeons knew best and I should just leave it to them.

The bandages have since been removed, but a look at my flat right breast and the scar there told me my days of going bare chested at the beach and swimming pool were definitely over.

So guys, especially senior citizens, in conjunction with Pink October, do find the time to look for lumps in your macho breasts. According to the Centres for Disease Control and Prevention, about one out of every 100 breast cancers diagnosed in the United States is found in a man.

I sincerely bow in gratitude and respect to the consultant breast surgeons, clinical specialists, anaesthetists, medical officers, housemen and nurses at UMMC for their expertise, skills, professionalism and dedication towards patient care.

A follow-up visit to the doctor on Oct 16 revealed, to my immense relief, that the tissue specimen from the subcutaneous mastectomy was not malignant (not cancerous).

**CALL ME UNCLE**
**Petaling Jaya**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | EMART ADAKAN PESTA BAYI DAN KANAK-KANAK MULAI HARI INI | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 19 OKT 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Emart adakan Pesta Bayi dan Kanak-Kanak mulai hari ini

**KUCHING:** Pasar raya Emart mengadakan Pesta Bayi dan Kanak-Kanak di 12 cawangan Emart di Kuching, Miri, Bintulu dan Sabah bermula 19 Oktober sehingga 31 Oktober 2023.

Pesta itu menyaksikan penyertaan lebih 30 jenama yang mempamerkan pelbagai produk mereka seperti susu formula bayi, lampin bayi, pakaian bayi, dan alat permainan bayi.

Sepanjang pesta ini, semua ahli Emart boleh menikmati diskaun istimewa dan berpeluang mendapatkan hadiah terhad seperti baucar tunai RM5 secara percuma sekiranya mereka membeli produk bayi jenama terpilih berharga RM200 dan ke atas, tertakluk kepada terma dan syarat.

Pembeli boleh menggunakan baucar tunai RM5 itu untuk membeli mana-mana produk bayi semasa pesta tersebut diadakan.

Ibu bapa juga boleh mengambil bahagian dalam Peraduan Foto 'My Cuties Baby' dan Emart menawarkan tiga set baucar tunai RM100 bagi Foto Paling Kreatif dan satu set baucar Emart tunai RM50 bagi Foto Anugerah Pilihan Orang Ramai untuk setiap kategori. Tertakluk kepada terma dan syarat.

Cawangan yang ikut serta adalah Emart Riam, Emart Tudan, Emart Matang, Emart Batu Kawa, Emart Tabuan Jaya, Emart Summer Mall, Emart Moyan, Emart Sejingkat, Emart King Centre, Emart Lintas Jaya.




**JOM SERTAI:** Poster Peraduan Kira dan Menang.




**JANGAN LEPASKAN:** Poster Peraduan Foto.



**PELBAGAI PILIHAN:** Pelbagai jenama formula susu tepung dipamerkan semasa pesta.




**TAWARAN:** Lampin bayi yang boleh didapati semasa Pesta Bayi dan Kanak-Kanak Emart.

Untuk menyertai peraduan foto ini, peserta hanya perlu berbelanja RM30 dan ke atas di kawasan pesta, merakam foto bayi mereka bersama produk bayi yang dibeli dan menghantarnya kepada Emart Malaysia menerusi Facebook Messenger.

Foto-Foto yang mendapat ikon 'Love' terbanyak akan diisytihar sebagai pemenang bagi Anugerah Pilihan Orang Ramai, manakala bagi pemenang kategori Foto Paling Kreatif, ia akan ditentukan oleh pengurusan premis Emart.

Di samping itu, Emart juga menganjurkan Peraduan Kira dan Menang bagi semua pembeli. Peserta hanya perlu berbelanja RM30 dan ke atas dalam satu resit bagi produk bayi dan kanak-kanak terpilih di pesta untuk mendapatkan borang resit.

Seterusnya, ibu bapa perlu mengira jumlah keseluruhan bayi di dalam poster dan mengisi borang resit pertandingan untuk dimasukkan ke dalam peti cabutan bertuah yang disediakan agar berpeluang memenangi hadiah. Jumlah keseluruhan baucar ditawarkan adalah bernilai RM400. Tertakluk kepada terma dan syarat.

Penganjur turut menjemput badut untuk memberikan belon berstruktur kepada pengunjung khasnya bayi dan kanak-kanak untuk memeriahkan lagi pesta tersebut.

Aktiviti badut ini akan bermula dari 21 Oktober sehingga 29 Oktober 2023 pada hujung minggu.

Berikut merupakan jadual badut berserta jadual pemberian belon, pada 21 Oktober di Emart Batu Kawa (jam 11 pagi) dan Emart Moyan (2.30 petang), 22 Oktober masing-masing di Emart Tabuan Jaya (11 pagi-12 tengah hari), Emart King Centre (6 petang-7 malam) dan Emart Lintas Jaya (11 pagi-12 tengah hari).

Pada 28 Oktober di Emart Batu Kawa (11 pagi-12 tengah hari) dan Emart Moyan (1-2 petang); 29 Oktober di Emart Matang (10-11 pagi), Emart Tabuan Jaya (5-6 petang), Emart King Centre (6 petang-8 malam) dan Emart Lintas Jaya (11 pagi-12 tengah hari).

Untuk keterangan lanjut, orang ramai boleh melayari Facebook Emart Malaysia https://www.facebook.com/EmartMalaysia.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KANAK-KANAK TERCAMPAK: POLIS KESAN PEMILIK KENDERAAN, MANGSA | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 19 OKT 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Kanak-kanak tercampak: Polis kesan pemilik kenderaan, mangsa

## Pemandu gagal pastikan pintu penumpang sebelah kiri ditutup kemas

**KOTA BHARU: Polis Kelantan sedang mengesan pemilik kenderaan berhubung kes kanak-kanak tecampak dari sebuah kenderaan dalam kejadian di lampu isyarat berdekatan Jalan Sultan Yahya Petra pada 5.42 petang, kelmarin.**

Ketua Polis Kelantan Datuk Muhamad Zaki Harun berkata insiden berkenaan dipercayai akibat kegagalan pemandu kereta yang dinaiki kanak-kanak itu untuk memastikan pintu penumpang sebelah kiri ditutup kemas serta tidak memastikan kanak-kanak berkenaan memakai tali pinggang keledar.

"Kami dalam usaha mengesan kenderaan yang terlibat serta kanak-kanak itu dan siasatan masih dijalankan," katanya dalam sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan di sini semalam.

Kejadian itu tular menerusi satu rakaman video berdurasi satu minit satu saat di media sosial sejak kelmarin.

> "Kami dalam usaha mengesan kenderaan yang terlibat serta kanak-kanak itu dan siasatan masih dijalankan."
>
> **Datuk Muhamad Zaki Harun**
> *Ketua Polis Kelantan*

Rakaman itu menunjukkan seorang kanak-kanak yang tercampak dari sebuah kereta sebelum dilanggar dua kereta.

Kanak-kanak itu cuba bangun untuk berlari sebelum diselamatkan oleh penunggang motosikal yang membawanya ke tepi jalan.

Menurut Muhamad Zaki, kes itu disiasat mengikut Seksyen 43 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan meminta orang yang melihat kejadian, pemandu kenderaan terlibat dan perakam video tampil membantu siasatan.



**JALANKAN SIASATAN: Muhamad Zaki pada sidang media sempena majlis pelupusan barang kes dadah di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan semalam.** — Gambar Bernama

Sementara itu mengenai kes bunuh seorang lelaki Rohingya kelmarin, Muhamad Zaki berkata, mangsa ditemukan mati di kebun jagung di Kampung Melor Lama ditikam sebanyak 40 kali termasuk di bahagian dada dan perut.

"Mangsa berusia 44 tahun ditikam rakan senegara yang berusia 32 tahun dalam kejadian 9.30 pagi. Hasil siasatan mendapati motif kejadian disebabkan cemburu kerana dipercayai mangsa mempunyai hubungan sulit dengan isteri suspek berusia 29 tahun," katanya.

Suspek dan isterinya direman selama tujuh hari bermula semalam untuk siasatan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh, katanya. — Bernama

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KEMEROSOTAN INSTITUSI PERKAHWINAN PERLU DICEGAH: NANCY | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 19 OKT 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Kemerosotan institusi perkahwinan perlu dicegah: Nancy

## Masyarakat moden perlukan kaunselor berdedikasi, pendekatan dan teori asas dan terkini selari dengan keadaan semasa

Oleh Clare Cinderella

**MIRI: Kehidupan masyarakat moden hari ini semakin kompleks terutamanya Barat yang sedang berdepan dengan apa yang dikatakan sebagai kemerosotan institusi perkahwinan.**

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia Dato Sri Nancy Shukri menjelaskan, situasi itu merupakan satu keadaan di mana berlakunya kemerosotan institusi perkahwinan kerana masyarakat semakin menerima pelbagai bentuk dan alternatif kepada perkahwinan.

"Ini adalah ekoran berlakunya perubahan dalam norma sosial yang satu masa dulu pernah menjadi faktor yang mempengaruhi pembentukan keluarga.

"Contohnya peningkatan dari segi kadar perceraian, peningkatan kadar kelahiran anak tak sah taraf, bersekedudukan sebelum berkahwin dan juga sedikit sebanyak daripada kesan wanita keluar bekerja.

"Di Barat kesan ini sudah kelihatan dan kita seboleh mungkin cuba mengekang fenomena ini berlaku di Sarawak terutamanya," ujar beliau dalam ucapannya ketika merasmikan Simposium Kaunseling Kekeluargaan Peringkat Kebangsaan 2023 anjuran Majlis Islam Sarawak sempena Sambutan 60 Tahun Sarawak Merdeka di sebuah hotel terkemuka di sini, semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Abdul Shukur Abdullah.

Nancy menekankan sesetengah perkara tidak mampu dihentikan daripada tidak berlaku sama sekali, namun masyarakat sentiasa boleh berusaha mengekangnya dari terus menerus memudaratkan kualiti hidup rakyat dan keluarga mereka.

"Ini dapat dicapai melalui program dan intervensi berterusan yang memberi kesedaran, pengetahuan dan kemahiran kepada semua lapisan masyarakat bagi membekalkan kepada kita semua daya tindak yang bersesuaian bagi menghadapi dan menangani segala cabaran yang mendatang," katanya.



**DISEMPURNAKAN:** Abdul Shukur melekapkan telapak tangannya pada skrin utama simbolik perasmian simposium berkenaan sambil disaksikan Ahmad Sukarno (kanan) dan yang lain.

Justeru katanya, masyarakat moden hari ini memerlukan kaunselor yang berdedikasi, empati, mempunyai semangat dan minat menolong yang mendalam, di samping amanah dan berilmu pengetahuan mendalam dalam ilmu kemanusiaan.

Pada masa yang sama katanya, mereka perlu memiliki pendekatan dan teori yang asas dan terkini selari dengan keadaan semasa.

"Peranan kaunselor pada masa kini menjadi semakin penting dan utama, menjadi rujukan bagi masyarakat," katanya

> "Di Barat kesan ini sudah kelihatan dan kita seboleh mungkin cuba mengekang fenomena ini berlaku di Sarawak terutamanya."
>
> **Dato Sri Nancy Shukri**
> *Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia*

"Pada masa yang sama juga kita mahu masyarakat kita mendekati dan menghayati ajaran Islam dalam kehidupan seharian.

"Syariat Islam yang termaktub di dalam Quran dan kemudian dilengkapkan lagi dengan Sunnah Rasulullah SAW merupakan bekalan ampuh buat kita dari zaman berzaman.

"Al-Quran dan Sunnah merupakan sumber rujukan utama buat kita dan menjadi tanggungjawab kita untuk mendalami dan mempraktikkannya bagi menjamin keselamatan dunia akhirat," tambahnya.

"Apa yang kita mahu adalah sebuah negara yang maju dan makmur namun rakyatnya mempunyai kesihatan mental yang optimum, sistem kekeluargaan yang sihat dan berkualiti, yang masih kukuh hubungan antara ahli-ahlinya dan mampu menjadi pelindung dan penyokong kepada keperluan ahli di dalamnya," ujar Nancy lagi.

Sehubungan itu, beliau berharap perhimpunan tersebut dapat mengembangkan lagi jaringan kerjasama antara pengamal kaunseling dan seterusnya memantapkan lagi perkhidmatan yang diberikan dari semasa ke semasa bagi mencapai 'Malaysia yang Sejahtera' pada abad ke-21 ini.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Pengarah 1, Jabatan Agama Islam Sarawak Ahmad Sukarno Saini mewakili Yang Dipertua Majlis Agama Islam Sarawak (MAIS) Datuk Misnu Taha.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LELAKI MENGAKU TIDAK BERSALAH AMANG SEKSUAL DAN ROGOL ANAK TEMAN WANITA | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 19 OKT 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Lelaki mengaku tidak bersalah amang seksual dan rogol anak teman wanita

**KUCHING:** Seorang lelaki mengaku tidak bersalah apabila didakwa di Mahkamah Sesyen semalam atas pertuduhan melakukan amang seksual dan merogol kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun yang merupakan anak kepada teman wanitanya.

Hakim Musli Ab Hamid memerintahkan tertuduh berusia dalam lingkungan 40-an itu untuk dibebaskan dengan jaminan tunai RM20,000 (RM10,000 didepositkan) berserta dua penjamin tempatan berpendapatan tetap bagi kedua-dua pertuduhan dihadapinya.

Tertuduh juga diperintahkan untuk melaporkan diri ke balai polis berdekatan setiap bulan, selain diberikan arahan untuk tidak menghubungi saksi pendakwaan dengan apa cara sekali pun.

Selain itu, Musli juga menetapkan 21 November 2023 bagi pengurusan kes dan untuk tertuduh memaklumkan mahkamah mengenai status pelantikan peguamnya.

Bagi pertuduhan pertama, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (SOACA) 2017 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 14 akta sama yang sabit kesalahan, boleh dijatuhi hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan boleh disebat.

Tertuduh didakwa melakukan serangan seksual fizikal terhadap mangsa dalam kejadian antara 2020 dan 2023, di sebuah rumah di Batu Kawa di sini.

Pertuduhan kedua menyaksikan tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan kerana merogol mangsa sama antara 2020 dan 2023 di sebuah rumah di Batu Kawa di sini.

Sabit kesalahan, boleh dijatuhi hukuman penjara sehingga 20 tahun dan boleh disebat.

Difahamkan, laporan polis dibuat oleh isteri tertuduh.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Fauzan Zamri.




DIDAKWA: Tertuduh (dua kiri) diiringi polis semasa berada di Mahkamah Kuching, semalam.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | PEMBONCENG MOTOSIKAL MAUT DIPERCAYAI DILANGGAR LARI 4WD | | |
| HARI : | KHAMIS | AKHBAR : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH : | 19 OKT 2023 | M/SURAT : | 02 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Pembonceng motosikal maut dipercayai dilanggar lari 4WD

## Mangsa maut di lokasi kejadian, penunggang motosikal cedera

Oleh Jeremy Lanson

**KUCHING:** Seorang wanita maut selepas dipercayai dilanggar sebuah kenderaan pacuan empat roda (4WD) di Jambatan Batu Kawa, Jalan Batu Kawa di sini lewat malam kelmarin.

Ketua Polis Daerah Padawan Superintenden Abang Zainal Abidin Abang Ahmad berkata, mangsa dikenali sebagai Nur Ashikin Benny, 23, dari Kampung Hijrah, Simunjan.

Menurutnya, mangsa semasa kejadian membonceng motosikal yang ditunggangi seorang lelaki bergerak dari arah Bandar Baharu Batu Kawa (MJC) menuju ke Kampung Sejijak, Matang.

"Semasa bergerak lurus di lorong kiri di atas jambatan tersebut, mereka dipercayai telah dilanggar dari arah belakang oleh sebuah 4WD.

"Pelanggaran tersebut menyebabkan penunggang dan pembonceng motosikal tercampak ke atas jalan raya dan motosikal mereka dikatakan telah diseret 4WD berkenaan," katanya menerusi satu kenyataan, semalam.



**REMUK:** Keadaan motosikal yang ditunggangi mangsa kemalangan di Jambatan Batu Kawa, Jalan Batu Kawa malam kelmarin.

Tambahnya, mangsa telah disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian selepas diperiksa oleh penolong pegawai perubatan Hospital Umum Sarawak (HUS).

"Manakala penunggang motosikal mengalami kecederaan di muka serta tangan dan telah dikejarkan ke HUS untuk mendapatkan rawatan lanjut," katanya.

Difahamkan, pemandu 4WD terbabit terus melarikan diri dari lokasi kejadian selepas kemalangan tersebut berlaku.

"Operasi mengesan pemandu 4WD tersebut sedang dijalankan dan kita juga meminta saksi bebas untuk tampil membantu siasatan.

> "Pelanggaran tersebut menyebabkan penunggang dan pembonceng motosikal tercampak ke atas jalan raya dan motosikal mereka dikatakan telah diseret 4WD berkenaan."
>
> Superintenden Abang Zainal Abidin Abang Ahmad
> *Ketua Polis Daerah Padawan*

"Kita juga sedang menyemak kamera litar tertutup (CCTV) di sekitar lokasi kejadian untuk mengenal pasti kenderaan terlibat," katanya.

Siasatan lanjut dijalankan di bawah Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | POLIS MINTA BANTUAN KESAN REMAJA PEREMPUAN HILANG DARI RUMAH | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 19 OKT 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Polis minta bantuan kesan remaja perempuan hilang dari rumah

**IPOH:** Polis meminta bantuan orang ramai untuk mengesan seorang pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Raja Perempuan yang dilaporkan hilang dari rumahnya di Taman Cempaka di sini sejak 8 Okt lepas.

Ketua Polis Daerah Ipoh ACP Yahaya Hassan berkata Ibu Pejabat Polis Daerah Ipoh menerima laporan berhubung kehilangan R. Mannimegalai, 18, daripada ibunya, dan kali terakhir remaja itu dilihat berada di rumahnya ialah pada kira-kira pukul 2.30 pagi pada hari berkenaan.

"Remaja perempuan itu berada di rumah keluarganya pada 8 Okt lepas dan sempat menonton televisyen bersama keluarga.

"Kira-kira jam 2.30 pagi ketika ayahnya ke tandas dan kembali semula ke ruang tamu, anak perempuannya didapati sudah tiada," katanya dalam kenyataan semalam.

Orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai remaja itu diminta menghubungi pegawai penyiasat kes Insp Anis Safira Roslan dengan menelefon 018-7865440 atau Ibu Pejabat Polis Daerah Ipoh (05-2451500) atau mana-mana balai polis berhampiran. — Bernama

TAJUK : POLIS TAHAN WANITA DISYAKI PEMBEKAL DADAH

HARI : KHAMIS | AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 19 OKT 2023 | M/SURAT : 13

TONE : NEGATIF | SEKTOR : KPWKM

# Polis tahan wanita disyaki pembekal dadah

**KOTA BHARU:** Seorang wanita disyaki pembekal dadah ditahan bersama 532.7 gram (g) dadah jenis heroin dan 1,000 pil yaba dalam serbuan di sebuah rumah di Lembah Cherang Ruku, Pasir Puteh kelmarin.

Ketua Polis Kelantan Datuk Muhamad Zaki Harun berkata suspek berumur 31 tahun itu ditahan oleh sepasukan polis daripada Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik (BSJN) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Pasir Puteh pada 9.25 pagi dan sejumlah dadah bernilai RM199,000 serta sebuah kenderaan bernilai RM30,000 dirampas.

"Dadah berkenaan dijumpai di dalam kereta dan rumah iaitu 94 botol disyaki jenis heroin dan 1,000 pil yaba serta sebuah kenderaan dirampas dengan nilai keseluruhan RM229,000.

"Suspek seorang penganggur sudah bersuami dan disyaki pembekal dadah, namun tidak mempunyai rekod kesalahan lampau dan suspek dipercayai mempunyai kaitan dengan orang lain (pengedar dadah)," katanya pada sidang media Pelupusan Barang Kes Dadah Kontinjen Kelantan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan di sini semalam.

Muhamad Zaki berkata suspek ditahan reman selama tujuh hari bermula semalam untuk siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952, yang jika sabit kesalahan boleh dihukum gantung atau penjara seumur hidup dan tidak kurang 12 sebatan.

Dalam perkembangan lain, Muhamad Zaki berkata Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Kelantan menangkap sebanyak 12,710 orang kerana pelbagai kesalahan bagi tempoh Januari hingga September lepas.

"Polis juga berjaya merampas pelbagai jenis dadah dianggarkan bernilai lebih RM65 juta dan menyita aset pengedar dadah lebih RM3.3 juta.

"Selain itu, seramai 52 orang ditahan mengikut Seksyen ADB Langkah-Langkah Pencegahan Khas (LLPK) 1985," katanya.

Beliau berkata polis turut melakukan pelupusan dadah berjumlah 454,291.596 gram dan 2,952.145 liter pelbagai jenis dadah bernilai RM90,287,530.77 yang dirampas sejak 2006 hingga tahun ini melibatkan 2,368 kertas siasatan.

"Pelupusan dadah ini akan dilakukan esok (Khamis) di Pusat Pelupusan Sisa Pepejal Bukit Pelanduk, Negeri Sembilan," katanya. — Bernama